

**Jangan Politikkan Isu Kerajaan Campuran - Hussamuddin
Bernama
Jan 2, 2015**

SHAH ALAM, 2 Jan (Bernama) -- Pengasas Kumpulan Media Karang kraf, Datuk Dr Hussamuddin Yaacob meminta semua pihak termasuk pemimpin politik supaya tidak mempolitikkan kenyataannya berhubung saranan mewujudkan kerajaan campuran di Kelantan.

Hussamuddin berkata beliau tidak mempunyai sebarang agenda tersembunyi dan pandangan yang dilontarkan pelbagai pihak terhadapnya berhubung isu itu adalah bercanggah daripada hakikat sebenar.

"Ada pemimpin politik yang cakap saya sengaja nak lariskan (akhbar) Sinar Harian, sebab itu saya keluarkan kenyataan minta PAS Kelantan dan Umno Kelantan wujudkan kerajaan campuran.

"Kenyataan saya dipolitikkan oleh ahli politik yang bangkrap idea, dia tahu ke apa niat saya...kenapa saya sarankan begitu. Niat saya yang baik telah dipolitikkan," katanya dalam satu sidang media di Karang kraf di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Naib Presiden PAS Datuk Husam Musa semalam, yang menolak cadangan kerajaan campuran di Kelantan serta mendakwa beliau cuba melariskan jualan akhbarnya dengan menggesa Umno serta PAS bergabung di Kelantan.

Jelas Hussamuddin, saranan mewujudkan kerajaan campuran di Kelantan dilihat sebagai langkah terbaik dalam membangunkan semula negeri itu yang hampir musnah akibat banjir.

"Sebelum banjir, negeri Kelantan dilihat mundur 40 tahun kebelakang dari negeri-negeri lain dan selepas banjir, mungkin akan mundur seolah-olah 80 tahun kebelakang disebabkan penduduk serta peniaga di negeri itu kehilangan tempat tinggal dan perniagaan mereka.

"Di sini saya tidak bercakap sebagai ahli politik kerana saya bukan politician, saya adalah usahawan dan saya juga rakyat Kelantan... kenapa saya kata perlu bergabung? Ini kerana pentadbiran sekarang tidak begitu cekap untuk menguruskan semuanya secara sempurna," katanya.

Dalam wawancara eksklusif bersama akhbar terbitan syarikatnya Sinar Harian baru-baru ini, Hussamuddin menyeru kepimpinan PAS dan Umno di Kelantan membentuk kerajaan campuran dan menyetepikan kepentingan politik masing-masing demi memastikan rakyat Kelantan mampu bangkit menghadapi situasi selepas banjir yang meranapkan kediaman serta harta benda mereka.

Hussamuddin berkata rakyat Kelantan sudah terlalu lama terhimpit dalam kemelut politik antara Barisan Nasional (BN) dan PAS di negeri itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1097670>